

1. Rasuah: Pegawai kanan PBT dibebaskan dengan jaminan



SEORANG pegawai kanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan meminta sogokan untuk kelulusan projek, dibebaskan dengan jaminan RM100,000, hari ini.

AYER KEROH: Seorang pegawai kanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan meminta sogokan untuk kelulusan projek, dibebaskan dengan jaminan RM100,000, hari ini.

Suspek yang juga seorang Datuk berusia 55 tahun dibebaskan dengan dua penjamin selepas tempoh remannya berakhir hari ini.

Jaminan dibenarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Mohd Anuar Ostadi.

Suspek sebelum itu direman bermula Selasa lalu mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, sebelum dibebaskan dengan dua penjamin.

Terdahulu suspek yang mengenakan sut hitam tiba di perkarangan mahkamah pada jam 9.15 pagi dengan diiringi pegawai SPRM, sebelum meninggalkan kompleks mahkamah kira-kira 10 minit kemudian bersama peguamnya, Azrul Zulkifli Stork.

BH sebelum ini melaporkan suspek ditahan SPRM bagi membantu siasatan membabitkan sogokan bagi projek berkaitan PBT, selain turut membekukan 22 akaun bank dan aset bernilai lebih RM11 juta.

2. Isnin, 5 Disember 2016

Kebakaran HSA: Kementerian masih tunggu laporan JKR



KEJADIAN kebakaran tingkat dua unit rawatan rapi selatan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru pada 25 Oktober lalu. - Foto Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan masih menunggu laporan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi-agensi terbabit mengenai kebakaran tingkat dua unit rawatan rapi selatan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru pada 25 Oktober lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr S.Subramaniam, berkata setakat ini, pihaknya telah menerima laporan awal daripada HSA mengenai kejadian itu dan sedang menelitinya.

"Kami berbincang dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengenai perkara terperinci (laporan) dan menunggu laporan JKR dan agensi lain sebelum kita boleh membuat keputusan tentang kejadian itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Ampang dekat sini, hari ini.

Dalam pada itu, Dr Subramaniam berkata kementerian bercadang menambah baik fasiliti di Jabatan Kecemasan Hospital Ampang dalam masa terdekat.

Ini kerana, katanya, ramai pesakit mendapatkan rawatan bagi kes-kes bukan kecemasan di jabatan kecemasan hospital itu.

"Mereka (pesakit) menyatakan bahawa ia (jabatan itu) adalah tempat di mana mereka boleh datang dan mendapatkan rawatan serta merta berbanding tempat lain di mana mereka perlu membuat temu janji.

"Proses ini perlu dipermudahkan supaya orang ramai boleh menghubungi dan pergi ke bahagian berkenaan...jadi, mereka tidak perlu ke jabatan kecemasan untuk kes seperti selesema dan batuk," katanya.

Dr Subramaniam berkata Kementerian akan meninjau klinik-klinik di kawasan itu untuk meningkatkan keupayaan merawat kes-kes bukan kecemasan. "Ini adalah sebahagian daripada cara di mana kita cuba mengoptimalkan kemudahan di klinik supaya hospital digunakan dengan sewajarnya," katanya. - BERNAMA



Jumaat, 9 Disember 2016

3. PETRONAS peroleh 2 blok laut dalam Mexico

KUALA LUMPUR: Petronas mengesahkan syarikat itu memperoleh projek laut dalam Blok 4 dan Blok 5 di Lembangan Salina Teluk Mexico, susulan lelongan pertama oleh Mexico ke atas kawasan eksplorasi laut dalamnya.

Dalam satu kenyataan, syarikat minyak negara itu berkata Blok 4 diluluskan secara usaha sama 50:50 antara PC Carigali Mexico Operations, SA de CV (PETRONAS Mexico), anak syarikat milik penuh Petronas, dan Sierra Oil & Gas S de RL de CV.

Ia berkata Petronas Mexico akan menjadi operator Blok 4, sebuah kawasan seluas kira-kira 2,600 kilometer persegi, dengan kedalaman air antara 800 meter dan 1,600 meter.

"Eksplorasi awal membabitkan tempoh empat tahun, dengan Petronas Mexico dan Sierra akan memberi tumpuan ke atas pemerolehan data seismik dan pemprosesan," katanya.

Blok 5, sebaliknya diluluskan kepada konsortium yang diketuai Murphy Sur, S de RL de CV (30 peratus), dengan usaha sama Petronas Mexico (23.34 peratus), Ophir Energy (23.33 peratus) dan Sierra Offshore Exploration (23.33 peratus).

Blok 5, yang meliputi kawasan seluas kira-kira 2,600 kaki persegi dengan kedalaman air antara 700 meter dan 1,100 meter, akan diurus oleh Murphy Sur, dengan tempoh eksplorasi awal empat tahun, termasuk komitmen program kerja satu telaga.

Naib Presiden Eksplorasi, Hulan Petronas, Emeliana Rice-Oxley, berkata pembabitan syarikat dalam kawasan laut dalam Mexico itu sangat strategik untuk pertumbuhan perniagaannya yang kini memberi tumpuan kepada peluang-peluang portfolio dan eksplorasi hulan dengan nilai potensi jangka panjang. - BERNAMA

4. Malaysia rekod pelaburan RM150b Januari-September



MENTERI Perdagangan Antarabangsa Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed . - Foto Ikhwan Munir

KUALA LUMPUR: Malaysia merekodkan pelaburan bernilai RM150.8 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016.

Walaupun jumlah berkurangan 3.7 peratus daripada projek bernilai RM156.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu, ia dijangkakan mewujudkan 117,550 peluang pekerjaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam satu kenyataan pada Selasa berkata, keseluruhan prestasi pelaburan bagi seluruh 2016 boleh dikekalkan meskipun persekitaran global yang mencabar.

Beliau berkata, pelaburan domestik menyumbang 74.8 peratus daripada jumlah pelaburan sebanyak RM112.8 bilion, manakala pelaburan asing selebihnya.

"Sektor perkhidmatan menarik bahagian terbesar pelaburan diluluskan, menyumbang 71.9 peratus atau RM108.4 bilion, diikuti sektor pembuatan dengan pelaburan sebanyak RM40.7 bilion atau 27 peratus, manakala sektor utama dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM1.7 bilion atau 1.1 peratus," katanya.

Menteri itu berkata, bagi tempoh Januari-September 2016, nilai pelaburan sektor perkhidmatan meningkat 26.2 peratus daripada tempoh yang sama tahun lalu.

Beliau berkata, projek berkenaan dijangka mewujudkan 69,660 pekerjaan dengan lebih 95 peratus dalam perdagangan pengedaran, status Koridor Raya Multimedia, hotel dan pelancongan, pendidikan serta penubuhan global.

Beliau bagaimanapun berkata, jumlah projek yang diluluskan susut 3.9 peratus kepada 3,203 berbanding 3,334 pada tempoh Januari-September 2015.

Dalam sektor pembuatan pula, pelaburan yang diluluskan bagi sektor itu berkurangan 39 peratus bagi tempoh Januari-September daripada tempoh yang sama tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah pelaburan diluluskan dalam sektor pembuatan adalah dalam produk petroleum termasuk petrokimia (RM9.4 bilion), barangan elektronik dan elektrik (RM7.3 bilion), gas asli (RM3.7 bilion) dan pembuatan makanan (RM3.3 bilion).



Khamis, 15 Disember 2016

5. Rm2b Dijimatkan Dalam Projek Mrt - Pm



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak beramah mesra bersama penumpang pada majlis pelancaran fasa pertama MRT jajaran Sungai Buloh-Semantan di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Sairien Nafis

KUALA LUMPUR: Kira-kira RM2 bilion dapat diijimatkan daripada kos sasaran awal projek Transit Aliran Massa (MRT), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan kos kira-kira RM21 bilion berbanding kos sasaran RM23 bilion pada peringkat awalnya. "Namun pada hari ini, di mana semua kontrak sudah dianugerahkan dan kerja-kerja sudahpun hampir siap bagi keseluruhan laluan, kos pembinaan sebenar bagi projek ini adalah lebih kurang RM21 bilion.

"Projek MRT ini ialah lebih rendah daripada bajet dan mengikut masa ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan fasa pertama MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) di stesen Kwasa Damansara dekat sini, hari ini. Pada majlis pelancaran yang bersejarah itu, Perdana Menteri turut mengumumkan perkhidmatan MRT dan bas perantara percuma selama sebulan mulai esok hingga 16 Januari 2017 sebagai hadiah kepada rakyat bersempena sambutan Tahun Baharu. "Ini bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mencuba kemudahan pengangkutan awam yang baharu, moden dan efisien ini," katanya.



Ahad, 18 Disember 2016

6. Rm12j Dijimatkan Daripada Pembinaan Jambatan Batang Sadong - Pm

SADONG JAYA: Sebanyak RM12 juta dapat dijimatkan bagi pembinaan Jambatan Batang Sadong, di sini, jambatan merentasi sungai terpanjang di Sarawak, berbanding kos asal RM243 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata secara keseluruhannya, kos pembinaan jambatan sepanjang 1.48 kilometer itu membabitkan RM231 juta termasuk pembayaran pampasan tanah dan bayaran konsultan. "Projek pembinaan jambatan berkenaan saya umumkan secara spontan pada 2011, selepas melihat sendiri kesulitan penduduk yang terpaksa menunggu feri semata-mata mahu ke seberang.

"Walaupun ketika itu projek jambatan terbabit tidak ada dalam rancangan dan bajet, saya umum juga mahu buat jambatan. Hari ini saya lega dan bersyukur, semuanya selesai dilaksana," katanya berucap pada Majlis Perasmian Jambatan Batang Sadong, di sini, pagi ini. Yang turut hadir, Timbalan

Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Openg mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Morshidi Abd Ghani. PERDANA Menteri,

Datuk Seri Najib Razak diiringi Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Openg dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof mendengar penerangan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri mengenai Jambatan Batang Sadong di Majlis Perasmian Jambatan Sadong di Sadong Jaya. - Foto NSTP/Nadim Bokhari Sementara itu, Najib berkata, selain melengkapkan jaringan jalan raya dalam projek Lebuhraya Pan Borneo, satu lagi projek perhubungan di Sarawak membabitkan pembinaan jajaran pesisir pantai rancak dilaksanakan. "Bagi jajaran pesisir pantai, projek pembinaan Jambatan Samarahan kini sudah 51 peratus siap dan dijangka dapat digunakan pada 2018. Bukan itu sahaja, projek jajaran berkenaan akan diperluas merangkumi pembinaan Jambatan Batang Lupar sepanjang lima kilometer," katanya.

Beliau berkata, kos pembinaan bagi Jambatan Batang Lutar dianggarkan bernilai RM1 bilion dengan kos dikongsi sama rata antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.



Ahad, 18 Disember 2016

7. Kos Projek Mrt: Dakwaan Rafizi Disanggah



KUALA LUMPUR: MRT Corp menampik dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli bahawa kos pembinaan Fasa 1 laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) menelan belanja sebanyak RM21 bilion sebagai "tidak betul sama sekali".

Dalam satu kenyataan hari ini, MRT menjelaskan kos RM21 bilion yang diumumkan dalam ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika pelancaran pengangkutan awam itu adalah kos pembinaan untuk Fasa 1 dan Fasa 2 laluan SBK sepanjang 51 kilometer (km). "Fasa 1 membabitkan 21km untuk laluan SBK dari Sungai Buloh ke Semantan.

"Fasa Dua pula laluan sepanjang 9.5km membabitkan seksyen bawah tanah dari Semantan ke Maluri serta 20.5 km laluan dari Maluri ke Kajang. "Jumlah kos diumumkan mengambil kira semua aspek termasuk kos logistik, teknologi dan penelitian ketat," katanya.

Semalam, Naib Presiden PKR itu mendakwa Perdana Menteri secara tidak langsung mengesahkan kos keseluruhan Projek Transit Aliran Massa (MRT) sepanjang laluan 141 kilometer boleh mencecah lebih RM100 bilion.

8. MBI terima sijil SAGA

IPOH: Sebanyak 16 agensi kerajaan di seluruh negara layak menerima sijil pematuhan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) pada tahun ini.

Pengarah Bahagian Khidmat Perunding Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Rihatun Abddah Meor Zainal Abidin, berkata sistem perakaunan agensi berkenaan diiktiraf setelah memenuhi 19 kriteria pematuhan SAGA.

Sejak sijil pematuhan itu dilancarkan pada tahun 2011, sebanyak 120 agensi kerajaan sudah menerima sijil berkenaan.

"Kami mempunyai lebih 400 pelanggan membabitkan agensi kerajaan dengan sasaran 30 agensi menerima sijil pematuhan setiap tahun. Setakat ini, 120 agensi sudah menerima sijil berkenaan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Consultancy Management System (COMS) dan penyerahan sijil SAGA yang disempurnakan oleh Akauntan Negara, Datuk Che Pee Samsudin.

Pada majlis itu, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) untuk menerima sijil SAGA, sekali gus menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama memperoleh sijil pematuhan berkenaan.

9. 2 pegawai penjara ditahan, terima suapan RM3,000

DUA pegawai penjara berusia 32 dan 38 tahun ditahan reman selama tujuh hari bermula hari ini kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM3,000. - Foto Zaman Huri Isa

KOTA BHARU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai penjara kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM3,000.

Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Moh Samsudin Yusof, berkata kedua-dua pegawai berusia 32 dan 38 tahun itu menerima suapan berkenaan melalui seorang bekas banduan.

"Ta sebagai dorongan bagi melepaskan ujian saringan air kencing bagi beberapa orang banduan yang didapati positif dadah.

"Mereka ditahan diantara jam 7 malam hingga 12 tengah malam tadi," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 iaitu jika sabit kesalahan mereka boleh dikenakan hukuman 20 tahun penjara dan denda RM10,000 atau lima kali ganda jumlah suapan.

Terdahulu, Mahkamah Majistret mengeluarkan perintah reman seminggu terhadap kedua-dua suspek bermula hari ini bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

Perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Sesyen, Norida Mohd Husain

10. PETRONAS kurangkan keluaran 20,000 tong sehari tahun depan



PETRONAS akan mengurangkan hingga 20,000 tong sehari (bpd) minyak mentah daripada purata pengeluaran tahun ini bermula Januari tahun depan. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: PETRONAS akan mengurangkan hingga 20,000 tong sehari (bpd) minyak mentah daripada purata pengeluaran tahun ini bermula Januari tahun depan.

Dalam satu kenyataan hari ini, syarikat minyak nasional itu berkata pelarasan secara sukarela itu mengambil kira keadaan dan prospek pasaran semasa.

Ia juga hasil daripada pakatan yang dibuat di Vienna, Austria pada 10 Disember lalu antara Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan pengeluar bukan OPEC, katanya.

Mesyuarat itu bersetuju supaya ahli bukan OPEC perlu mengurangkan kepada 558,000 bpd selama enam bulan mulai 1 Januari 2017.

Sebelum ini, PETRONAS menyatakan komitmen untuk menyesuaikan pengeluaran minyak mentah dalam usaha mengurangkan bekalan global.

11. Pengangkutan Awam Bantu Lestarikan Bandar



TRANSIT Aliran Massa (MRT)

Perjanjian Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura baru-baru ini serta pelancaran Transit Aliran Massa (MRT) dari Sungai Buloh-Semantan dalam Jajaran I dan hingga ke Kajang dalam fasa seterusnya, menandakan permulaan cukup bermakna kepada pembangunan sistem pengangkutan awam antara bandar di negara ini.

Di samping itu peruntukan besar di dalam Bajet 2017 untuk membangunkan sistem pengangkutan awam terutama di Lembah Klang, akan beri kelegaan berganda kepada penduduknya dalam tempoh mendatang. Pembangunan sistem pengangkutan awam ini dilihat agak terabai sebelum ini.

Tumpuan pembangunan fizikal dan infrastruktur seperti perumahan, institusi pendidikan, komersial dan seumpamanya dilaksanakan begitu baik, namun tidak disertai pembangunan sistem pengangkutan awam menghubungkan tempat itu dengan berkesan, cekap dan sistematik. Natijahnya, masyarakat kita terutama yang menghuni di bandar besar ini sering berdepan pelbagai isu dan masalah yang menghambat kesejahteraan hidup warganya, disebabkan kerencatan perjalanan dan mobiliti penduduk, sama ada untuk tujuan pekerjaan, hiburan, permainan, sukan dan riadah.

Kehidupan harian masyarakat bandar yang berlumba dengan masa gagal diurus sebaiknya kerana pelbagai masalah membelenggu kehidupan seharian, akibat kesesakan lalu lintas. Pelbagai masalah dihadapi warga bandar Lembah Klang kesan kesesakan lalu lintas setiap hari, menimbulkan pelbagai masalah lain yang mungkin beri tekanan perasaan dan boleh bawa penyakit utama seperti darah tinggi, tekanan perasaan, gangguan mental dan seumpamanya.

Kesesakan jalan raya Diperhatikan perancangan pembangunan dan pengangkutan bandar di negara ini berasaskan penggunaan kenderaan persendirian yang akhirnya menyebabkan berlaku kesesakan yang gagal diselesaikan walaupun lapisan demi lapisan jalan raya dan lebuh raya dibina di bandar.

Kesan ditanggung kerajaan dan pemaju jalan raya antara lain ialah kos penyelenggaraan jalan raya dan lebuh raya yang semakin meningkat saban tahun. Hasilnya pula dikenakan terhadap kos tol yang terus meningkat, sekali gus membebankan pengguna. Dalam keseluruhan rantai itu, yang menanggung bebannya adalah pengguna akhir.

Keadaan ini belum lagi mengambil kira turun naik harga petrol setiap hujung bulan yang turut mempengaruhi kehidupan harian rakyat. Rakyat terkesan dengan kenaikan harga petrol menyebabkan peningkatan harga pengangkutan barangan utama dan barangan keperluan harian lain. Warga bandar akan berpusu-pusu menyerbu stesen petrol berhampiran jika diketahui harga bahan bakar itu akan naik keesokannya.

Proses pembandaran pesat dan berterusan melanda negara ini sejak 1970-an lagi mewujudkan sekurang-kurangnya lapan wilayah yang boleh dikategorikan sebagai wilayah pembandaran yang sedang dan berterusan mengalami pembandaran pesat untuk tempoh 30 tahun akan datang.

Wilayah itu adalah pembandaran Kuala Lumpur; Pulau Pinang-Sungai Petani; Johor Bahru-Pasir Gudang-Nusajaya; Kuantan-Pekan; Kemaman-Kuala Terengganu; Kota Bharu-Kuala Krai; Kota Kinabalu-Teluk Sepanggar dan Kuching-Kota Samarahan. Wilayah perbandaran ini akan terus berkembang pesat didukung faktor dalaman dan luaran.

Mahu tidak mahu, kawasan dinyatakan ini akan alami perubahan dalam pelbagai bidang ekosistem, sosial, ekonomi malahan politiknya yang menjadi kawasan tepubina dan wilayah perbandaran baharu. Pembangunan sistem pengangkutan awam ini akan mengubah landskap pembandaran terutama di Kuala Lumpur yang menganjur dari Tanjung Malim di utara hingga ke Linggi di sempadan Negeri Sembilan dan Melaka untuk tempoh tiga dasawarsa mendatang, selain wilayah perbandaran yang berkembang. Namun, apakah implikasi pembangunan sistem pengangkutan awam bandar ini terhadap kehidupan harian warga bandar itu sendiri? Kedinamikan sosial bandar ditentukan oleh sistem pengangkutan awam yang cekap, berkesan dan sistematik kerana mobiliti penduduk yang tersusun dan teratur membawa kepada kemakmuran kehidupan yang semakin meningkat kualitinya saban hari.

Hubungan ruang dengan ruang serta manusia dan manusia lainnya yang terbina melalui sistem pengangkutan awam yang cekap ini, akan meningkatkan kedinamikan sosial keseluruhan masyarakat itu tanpa mengetepikan kehebatan yang dibawa oleh teknologi komunikasi internet, yang cekap menghubungkan manusia dengan manusia tidak kira di manapun berada. Kedinamikan sosial pula membawa kepada pembentukan ekonomi bandar yang cergas, melambangkan kemakmuran ekonomi warganya yang ditandai oleh interaksi cergas antara bandar dan di dalam bandar itu sendiri.

Keseluruhan kerancangan ekonomi itu didukung kuat oleh sistem pengangkutan awam yang cekap, di samping faktor dalaman dan luaran yang tidak boleh diketepikan.

Ada pandangan bahawa dari satu titik ke satu titik lain dalam sistem pengangkutan awam itu menjadi penentu sempadan pentadbiran dan operasi bandar itu sendiri.

Ini bermakna sesetengah kawasan yang menjadi laluan LRT, MRT mahupun HSR akan bertindak sebagai pencetus dan pemangkin kepada kerancakan ekonomi kawasan sekitarnya. Contohnya, beberapa bandar kecil yang menjadi laluan sistem pengangkutan awam ini akan maju dari pelbagai aspek iaitu dari sekecil-kecil sumbangan ekonominya hinggalah kepada pembangunan kawasan perumahan yang pesat dalam tempoh beberapa tahun. Ikatan, jaringan dan rangkaian pengangkutan awam ini disumbang oleh perkhidmatan ekosistem bandar itu sendiri, seterusnya kepada kemakmuran bandar keseluruhannya.



Khamis, 22 Disember 2016

12. Petronas Meterai Mou Kaji Selidik Lapangan Iran

TEHRAN: PETRONAS memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan National Iranian Oil Company (NIOC) untuk bekerjasama dalam kajian lapangan di South Azadegan dan Cheshmeh Khosh. Perjanjian diadakan di ibu pejabat pusat NIOC di sini.

Mengikut MoU itu, satu kajian akan dilaksanakan untuk tempoh enam bulan dan dijangka dimuktamadkan pada suku kedua 2017. Memeterai perjanjian bagi PETRONAS adalah Naib Presiden Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Hulu, Anuar Taib.

NIOC diwakili Timbalan Pengarah Urusan Kejuruteraan dan Pembangunan, Dr Gholamreza Manouchehri. "Kami mahu berterima kasih kepada NIOC di atas peluang diberikan dan MoU ini adalah pencapaian penting bagi PETRONAS dan NIOC.

"Iran menyediakan peluang pertumbuhan di Asia Barat, menjangkau pasaran semasa kami di Iraq. "PETRONAS akan membawakan kemampuan dan kepakaran dalam bidang minyak dan gas ke Iraq, melihat untuk mencapai kerjasama yang berjaya dengan NIOC," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

13. Pm cadangan kos projek mrt tidak relevan

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) hari ini menjelaskan, cadangan kos RM40 bilion membabitkan projek Aliran Transit Massa (MRT) Lembah Klang pada tahun 2010 tidak lagi relevan berikutan ia berdasarkan nilai kos tahun sebelumnya.

Pada masa sama, MRT Corp menyatakan jumlah itu tidak termasuk kos sistem tren elektrik dan pengambilan tanah. "Pada akhir tahun 2010, kerajaan meluluskan pembinaan laluan 1 projek MRT Lembah Klang, iaitu Sungai Buloh-Kajang (SBK). "Jajaran untuk laluan itu juga sudah dijalankan pelbagai kajian oleh pihak lain sebelum penyerahan cadangan konsortium.

"MRT Corp mengumumkan pada Disember 2012 bahawa bajet bagi kos pembinaan laluan SBK sebanyak RM23 bilion selepas proses perolehan laluan itu diluluskan," menurut syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

MRT Corp membidas dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, yang heboh memperkatakan di laman sosial sebelum ini bahawa pengumuman kos pembinaan MRT Fasa 1 laluan SBK sejumlah RM21 bilion untuk projek MRT itu. Rafizi berkata, ia secara tidak langsung mengesahkan kos keseluruhan MRT yang dirancang sepanjang 141km boleh mencecah RM100 bilion.

MRT Corp juga menyatakan ia mencapai anggaran kos pembinaan MRT laluan 2, Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) sebanyak RM32 bilion berdasarkan tender bagi pembinaan laluan. Menurutnya, bagi cadangan MRT laluan 3 (laluan lingkaran) pula, ia masih menjalankan kajian berhubung kebolehlaksanaan laluan itu, selain akan mengumumkan keputusan itu pada suku pertama tahun depan.

"Susulan itu, adalah mustahil bagi MRT Corp memberi kos anggaran bagi MRT laluan 3. "Sebarang nilai dilaporkan mengenai MRT laluan itu adalah spekulasi semata-mata dan bukan melalui pihak kami (MRT Corp)," menurut kenyataan itu.

14. Ambil tindakan institusi kewangan manipulasi ringgit

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) sudah memulakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 terhadap sebuah institusi kewangan kerana gagal memaklumkan kepada bank pusat itu dengan segera mengenai dapatan audit yang signifikan.

Ia berhubung salah laku peniaga institusi kewangan terbabit yang tidak dinamakan, membabitkan penetapan kadar pertukaran dolar Amerika Syarikat (AS)/ringgit.

Menurut BNM, dapatan menunjukkan terdapat komunikasi antara institusi kewangan terbabit dengan pedagang daripada institusi kewangan asing lain, termasuk rujukan yang tidak sewajarnya terhadap proses penghantaran penetapan kadar. Berikutan itu, BNM mengingatkan semua institusi kewangan supaya mematuhi tuntutan pelaporan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, khususnya keperluan untuk segera memaklumkan apa-apa penemuan yang penting kepada bank pusat itu.

"Berhubung hal ini, BNM sudah memulakan proses kewajaran di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini. Bank pusat itu menegaskan, ia mengambil serius akan pelanggaran pelaporan seperti itu, terutama pembabitkan institusi kewangan dalam pasaran hadapan tidak diserah (NDF) ringgit luar pesisir atau mana-mana aktiviti yang berkaitan ke arah manipulasi pasaran.

Katanya, BNM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap mana-mana institusi kewangan lain yang melanggar peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

"Tindakan penguatkuasaan termasuk mengenakan penalti monetari, mengeluarkan arahan pematuhan secara bertulis, memberi amaran awam dan mengeluarkan arahan pematuhan secara bertulis untuk mengurang atau menyelesaikan pelanggaran terhadap peruntukan berkenaan," katanya.

Pada 13 November lalu, BNM mengeluarkan kenyataan bahawa ringgit kekal sebagai mata wang bukan bersifat antarabangsa, justeru dagangan ringgit di pasaran luar pesisir seperti NDF adalah tidak diiktiraf.

Bank pusat itu juga tidak bercadang memperkenalkan langkah baharu dan tidak ada perubahan dalam peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (FEA) berikutan situasi turun naik ketara pasaran tukaran asing, pada bulan lalu. Katanya, semua peserta pasaran perlu mematuhi peraturan FEA sedia ada manakala bank berlesen di Malaysia perlu mengelak melaksanakan sebarang aturan tukaran asing (FX) yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pasaran NDF ringgit luar pesisir.

"Pasaran FX Malaysia kekal dibuka dan BNM sentiasa bersedia dalam menyediakan mudah tunai, jika diperlukan, untuk memastikan pasaran kekal teratur. "Malaysia terus mengalu-alukan pelaburan sebenar dan menyediakan semua saluran untuk urus niaga FX serta keperluan lindung nilai di dalam negara," tambah kenyataan itu.



Khamis, 29 Disember 2016

15. 2016 Tahun sukar sektor perbankan

KUALA LUMPUR: Selain menyaksikan peralihan kepimpinan utama pada 2016, tempoh itu juga adalah tahun sukar buat sektor perbankan dalam menghadapi cabaran getir ketidaktentuan kewangan global dengan pertumbuhan pinjaman yang tidak memberangsangkan.

Dalam suasana lembap itu, sektor perbankan diunjur melakar peningkatan momentum pada tempoh separuh kedua 2017, dengan pemulihan, antara lain, harga minyak mentah serta hala tuju dasar Amerika Syarikat (AS) yang jelas terutama mengenai kadar faedah.

Perbankan sebelum itu menyaksikan persaraan gabenor wanita pertama Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, yang bersara pada 30 April 2016 selepas 16 tahun mengemudi bank pusat, di samping melakar pencapaian mengagumkan bagi sejarah industri perbankan Malaysia.

Antara lain, Zeti menerajui transformasi perbankan dan industri kewangan sejak Krisis Kewangan Asia 1997/98 sehingga menjadikan sektor itu berkembang maju serta berdaya tahan, ampuh menghadapi tekanan dan kejutan kewangan, termasuk kesan Krisis Kewangan Global 2008/09. Selepas begitu banyak spekulasi mengenai siapa pengganti beliau, akhirnya individu itu tidak lain dan tidak bukan iaitu rakan seperjuangan Zeti yang berkaliber di bank pusat, Datuk Muhammad Ibrahim.

Sebagai seorang yang berpendirian tegas dan gigih, antara langkah awal dilaksanakan Muhammad ialah mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) biarpun mengejutkan kalangan pakar ekonomi, namun baginya ia penting sebagai langkah awal bagi memastikan ekonomi berada di landasan pertumbuhan kukuh. Susulan pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus, bank di negara ini telah melaraskan kadar asas (BR) dan kadar pinjaman asas (BLR) masing-masing.

Sementara itu, persekitaran global juga diselubungi ketidaktentuan, dengan petanda momentum pertumbuhan menyederhana dalam ekonomi utama di samping risiko ke bawah meningkat berkemungkinan kesan daripada pungutan suara EU di United Kingdom (Brexit).

Persekitaran ekonomi domestik dan luaran yang mencabar telah memberi tekanan kepada prestasi sektor perbankan tempatan, menjejaskan pertumbuhan pinjaman keseluruhan sektor itu. Kalangan bank beransur-ansur mengurangkan unjuran pertumbuhan pinjaman masing-masing dan menjangkakan pulangan ke atas ekuiti (ROE) adalah rendah tahun ini disebabkan pertumbuhan perlahan yang dialami industri sejak Ogos 2015.

Profesor ekonomi di Fakulti Perniagaan Universiti Sunway, Prof Yeah Kim Leng, berkata kelembapan perbelanjaan bank dilihat akan berakhir pada Ogos dan September memandangkan pertumbuhan pinjaman akan stabil pada 4.2 peratus sebelum meningkat kepada 4.5 peratus pada Oktober.

Pada kadar itu, katanya, ia adalah kira-kira separuh pertumbuhan purata yang dicatatkan sejak tiga tahun lalu. "Peningkatan berperingkat dijangka berterusan pada 2017 dengan pertumbuhan pinjaman antara enam dan tujuh peratus diunjur dengan sokongan pertumbuhan ekonomi yang meningkat secara sederhana, permintaan perniagaan dan pengguna serta keyakinan pemberi pinjaman," katanya. Pinjaman kepada korporat juga agak rendah bagi tempoh sama, dipengaruhi harga komoditi yang rendah, turun naik perdagangan serantau, ketidaktentuan ringgit dan aktiviti pelaburan yang suram.

Ia ditunjukkan melalui pengurangan 1.2 peratus pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, berjumlah RM436 bilion berbanding RM441.1 bilion pada tempoh sama 2015. Perkembangan ketara bagi korporat tahun ini adalah perluasan serantau CIMB Group susulan penubuhan anak syarikatnya di Vietnam, dengan pelan untuk menyempurnakan kedudukannya di ASEAN melalui pembukaan sebuah cawangan di Manila, Filipina tahun depan.

Maybank pula menerbitkan program sukuk RM10 bilion yang diberi penarafan 'AAA' tahun ini manakala cabang insuransnya, Maybank Ageas Holdings Bhd, menandatangani perjanjian untuk membeli pegangan majoriti dalam syarikat insurans di Indonesia, PT Asuransi Asoka Mas (Asoka). 2016 juga tidak sunyi daripada penutupan cawangan bank susulan perubahan besar dalam teknologi dan pengawalseliaan menjelang kemunculan teknologi kewangan (fintech).

CIMB Group menghentikan operasi 22 cawangannya di seluruh negara sejak Ogos 2015 untuk mengurangkan kos dan menumpukan kepada perbankan digital manakala Maybank dilaporkan akan menghentikan 27 cawangan. - BERNAMA INFO Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2016, pemberian pinjaman oleh sistem perbankan susut 3.1 peratus kepada RM598.5 bilion berbanding RM617.8 bilion bagi tempoh sama 2015.

Permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan berkembang 2.9 peratus kepada RM219.3 bilion, namun pinjaman yang diluluskan merosot 10 peratus kepada RM92 bilion.

16. BNM keluar dokumen dasar penetapan Kadar KLIBOR

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini mengeluarkan standard yang dipertingkatkan bagi Dokumen Dasar Penetapan Kadar KLIBOR, menggariskan pemberhentian berperingkat kadar KLIBOR sembilan bulan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Dalam satu kenyataan, BNM berkata, ia turut membabitkan langkah untuk terus mengukuhkan integriti kadar rujukan KLIBOR. Langkah berkenaan diperkenalkan berikutan satu kajian semula proses penetapan kadar KLIBOR dan secara umumnya merangkumi bidang tadbir urus, pengawasan, kebertanggungjawapan serta ketelusan. Langkah itu menyelaraskan Dokumen Dasar dengan amalan terbaik antarabangsa di bawah Prinsip prinsip Penanda Aras Kewangan, yang dikeluarkan oleh

Persatuan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). "Langkah ini diputuskan setelah menerima maklum balas daripada industri dan mengambil kira permintaan pasaran terhadap, kerelevanan dan kecukupan data transaksi bagi menyokong proses penetapan kadar KLIBOR sembilan bulan," kata BNM. Dalam tempoh peralihan mulai 1 Januari 2017, semua peserta pasaran yang mempunyai

perjanjian kontrak sedia ada yang merujuk kepada KLIBOR sembilan bulan dikehendaki mengkaji semula perjanjian masing-masing untuk memberi mekanisme alternatif kepada pelanggan mereka. Ini termasuk penggunaan penanda aras yang lain, penentudalaman tempoh KLIBOR sedia ada, atau mana-mana mekanisme lain yang dipersetujui bersama.

Perjanjian kontrak baharu tidak perlu lagi merujuk kepada KLIBOR bertempoh sembilan bulan. Menurut BNM, setelah mengadakan perundingan, pihaknya akan bekerjasama dengan industri kewangan bagi memastikan pelaksanaan rangka kerja penetapan kadar KLIBOR berjalan lancar. Jika perlu, BNM akan memberi bimbingan selanjutnya kepada peserta pasaran ketika tempoh fasa peralihan daripada pemberhentian KLIBOR bertempoh sembilan bulan kepada mekanisme alternatif.

17. KSSM, KSSR baharu dilaksana 2017

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid. - Foto Zulfadhli Zulkifli

KUALA LUMPUR: Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah disemak semula, akan dilaksanakan pada 2017.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata inisiatif berkenaan terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Beliau berkata, kurikulum sekolah rendah dan menengah disemak bagi mengimbangi set ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan dalam kalangan pelajar.

"Kurikulum ini memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran yang dibezakan di samping memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugas berasaskan projek, memperkemas mata pelajaran atau tema, dan melaksanakan pentaksiran formatif," katanya dalam kenyataan di portal rasmi beliau hari ini.

Selaras dengan itu, Mahdzir berkata Kementerian Pendidikan telah merombak peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah bagi meningkatkan secara berperingkat peratusan soalan yang mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi.

Selain itu, katanya, murid yang memerlukan bimbingan tambahan telah dan akan terus mendapat akses kepada bantuan yang bersesuaian dengan keperluan bagi menjamin kejayaan mereka di sekolah.

"Guru berkualiti dan kepimpinan berprestasi tinggi juga ditempatkan di sekolah bagi memastikan murid di seluruh negara dibangunkan secara holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan," katanya.

Beliau juga berkata, pelbagai isu pendidikan mewarnai 2016 yang merangkumi soal baik pulih sekolah hingga kepada isu pentaksiran antarabangsa yang mendapat perhatian ramai.

"Saya berterima kasih atas komen, kritikan dan cadangan mengenai pendidikan negara. Saya berpandangan bahawa sebarang komen yang dibuat, walaupun agak keras, adalah hasil keprihatinan semua pihak yang begitu mementingkan pendidikan berkualiti untuk anak-anak kita," katanya. -